



Avillion singkap kisah dua sahabat

Cari ketenangan di hotel unik Port Dickson

KISAH mandi di tepi perigi sesekali ditemani curahan air hujan dari langit masih segar dalam ingatan Adre Jean Sibert.

Malah, bagi lelaki berdarah Perancis ini, kisah ketika berusia 12 tahun itu bersama sahabat baik berbangsa Melayu, Bahaman, menjadi kenangan paling manis ketika beliau menetap di sebuah kampung di Negeri Sembilan yang tentunya tidak akan dilupakan sampai bila-bila.

Mandi berbumbungkan langit sambil menghadap laut yang luas terbentang, sesekali dihembus bayu, adakalanya dibasahi hujan, kenangan paling abadi Sibert bersama Bahaman.

Hari ini, sudah lebih lima dekad kisah itu berlalu, Bahaman juga sudah tiada. Dia meninggal dunia pada usia muda akibat barah.

namun, detik manis bersama Bahaman tidak dibuang Sibert begitu saja.

Jejakkan kaki anda ke Avillion Port Dickson (PD) dan anda akan tahu mengapa.

Di hotel mewah ini, anda akan melalui pengalaman Sibert dan Bahaman, mandi berbumbungkan langit dan jika anda bernasib baik, mandian anda akan 'ditemani' hujan. Bilik air tidak berbumbung!

Bagaimana ini boleh terjadi ya? Penulis menemui Sibert di Avillion PD. Sahabat baik arwah Bahaman itu kini adalah Pengarah Urusan Avillion PD. Jadi, tidak hairanlah

ya bagaimana detik manis dua kanak-kanak lelaki ini boleh diabadikan di hotel mewah di Negeri Sembilan ini.

Tiga puluh sembilan tahun bergelulang dalam dunia perhotelan, Sibert adalah antara individu yang bertanggungjawab 'melahirkan' hotel ini.

Bukan saja pengalaman mandi tanpa berbumbung diabadikan di hotel ini, malah hotel mewah ini kaya dengan cita rasa kampung nelayan tradisional.

Saat pertama menjejakkan kaki di kawasan hotel ini, hati sudah terpaut dengan kehijauan, keindahan landskap, kebersihan dan ketenangan yang ditawarkan.

Terletak kira-kira lima kilometer dari bandar Port Dickson dan 75 minit berkereta dari Kuala Lumpur (110 kilometer) atau 20 minit perialanan dari bandar

Seremban (30 km), Avillion PD menawarkan tempat percutian atas air, dalam taman dan di taman yang menghadap laut yang memberikan suasana mengasyikkan buat pengunjung terutama ketika matahari terbenam. Jika tidak percaya, kunjungilah pantai Riau dan Tumasek yang setia menanti pengunjung hotel ini.

Kata Sibert, selain suasana damai, mengasyikkan, pemandangan mengagumkan selain kelengkapan dalam bilik yang bertahap kelas pertama, pengunjung juga berpeluang menikmati kehidupan di kampung pada zaman dulu dan merasai pengalaman nelayan menangkap ikan dan ketam di hotel ini.

"Kita mahu semua pelanggan merasai pengalaman begini dan sentiasa ingin pulang ke hotel ini.

Untuk itu, kita pastikan suasana, kemudahan dan layanan yang diberikan di sini di tahap terbaik. Kita sediakan mereka 'WOW factor' (faktor WOW)," katanya.

Setiap chalet atau bilik dilengkapi dua katil serta pangkin untuk berehat, selain kemudahan seperti peti sejuk, telefon dail terus antarabangsa (IDD), televisyen dan pendingin udara serta jacuzzi bagi bilik suite yang menghadap Selat Melaka.

Hotel ini juga menyediakan dua kolam mandi, gimnasium, taman permainan kanak-kanak dan pusat penjagaan kanak-kanak. Lebih menarik, sambil anda menyusur menikmati pemandangan dan landskap menarik di hotel ini, anda boleh bertemu lapan burung merak yang dibiarkan bebas di kawasan sekitar hotel berkenaan.

Perkara 'wajib buat' jika ke sini juga, jangan lepaskan peluang mengunjungi mini zoo. Anda bukan saja boleh melihat arnab, burung merak, ayam serama dari luar pagar, malah berpeluang memberi makan haiwan jinak, yang rata-ratanya dilahirkan di sini. Jangan lupakan juga April, ayam serama jantan yang menjadi kesayangan bukan saja Sibert dan warga Avillion PD malah pengunjung setia hotel berkenaan.

"Bukan kami saja yang sayangkan April malah pelanggan setia kami juga berperasaan sama terhadapnya. Dia cerdik, jinak dan manja. Baru-baru ini, kami menerima e-mel daripada seorang kanak-kanak dari Singapura yang bertanyakan khabar April kerana ketika kanak-kanak itu mengunjungi hotel ini sebulan lalu, April tidak sihat," katanya.

Sejarahnya, April, diramkan oleh Sibert dan warga Avillion PD menggunakan lampu selepas ibunya enggan mengeramkannya. Kini, April sudah lapan tahun usianya dan setiap tahun juga majlis hari jadi April disambut warga Avillion bersama pelanggan.


Sesuai dengan cogan katanya, 'Di mana lagi anda harus berada... Avillion', anda juga harus berada di sana untuk merasai sendiri pengalaman Sibert bersama Bahaman.

Pengalaman yang amat berbaloi!



Lokasi

Avillion Port Dickson
Batu 3, Jalan Pantai,
71050 Port Dickson,
Negeri Sembilan.
Talian bebas tol:
1800-88-8550 (Malaysia)
800-60011-163
(Singapura)
Tel: 606-6476688
Faks: 606-6470880
Laman web:
www.avillion.com



Peraduan Avillion Port Dickson/i-KON

JANGAN lepaskan peluang dibelai dan dimanjakan di Avillion Port Dickson. Terhad buat lima pembaca bertuah! Jawab soalan, lengkapkan slogan dan hantarkan ke alamat Peraduan Avillion Port Dickson/i-Kon, Unit i-Kon, Balai Berita, Berita Harian Sdn Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur, sebelum atau pada 21 Jun 2008.

Namakan dua pantai yang disediakan buat pengunjung Avillion Port Dickson.

Slogan:
Percutian di Avillion Port Dickson amat dinantikan kerana

(tidak melebihi 15 perkataan)

Nama:

Alamat:

No KP:
Tel:
E-mel:

Syarat Penyertaan

1. Peraduan ini terbuka kepada semua pembaca Berita Harian.
2. Hanya penyertaan menggunakan borang asal di atas poskad yang diterima.
3. Keputusan hakim adalah muktamad.